



Terma & Syarat Program Easycash (“ECP”) Bank Simpanan Nasional (“BSN”)

1. Program BSN Easycash (“ECP”) oleh Bank Simpanan Nasional (“BSN”) ditawarkan kepada semua Pemegang Kad Utama baharu dan sedia ada yang layak.
2. Penawaran ECP kepada Pemegang Kad Kredit-i BSN adalah berdasarkan kontrak syariah sedia ada untuk Kad Kredit-i BSN iaitu Ujrah (Pembayaran yuran sebagai pertimbangan untuk perkhidmatan yang diberikan serta faedah dan keistimewaan yang ditawarkan oleh BSN kepada Pemegang Kad) dan Qard (kontrak meminjamkan wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana yang terakhir akan membayar balik jumlah pengganti yang setara dengan pemberi pinjaman).
3. Pemegang Kad Utama yang layak bermaskud Pemegang Kad yang mempunyai akaun dalam kedudukan yang baik dan tidak ditutup, dibatalkan, digantung atau ditamatkan oleh BSN dan mempunyai had kredit/had kemudahan yang mencukupi boleh memohon ECP.
4. ECP membolehkan Pemegang Kad membuat pengeluaran sehingga 80% mengikut had kredit/had kemudahan Pemegang Kad yang sedia ada.
5. Pengeluaran ini tertakluk kepada jumlah minimum ECP sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual di bawah; dan tertakluk kepada budi bicara BSN dan ia boleh diubah oleh BSN dari semasa ke semasa.

Pelan	Jumlah Minimum ECP
AA	RM500.00
AB	RM500.00
AC	RM1,000.00
AD	RM2,000.00
AE	RM3,000.00
AF	RM3,000.00
AG	RM3,000.00

6. Semasa permohonan, Pemegang Kad hendaklah memilih dalam permohonan tersebut, tempoh pembayaran jumlah ECP:-
 - i. Tempoh ansuran ECP yang tersedia untuk pilihan adalah: 6, 12, 24, 36, 48, 60 atau 72 bulan. (“Tempoh Ansuran ECP”).
 - ii. Semasa Tempoh Ansuran ECP, Jumlah ECP hendaklah dibayar secara ansuran bulanan yang sama banyak (“Ansuran Bulanan ECP”).

Tempoh Ansuran ECP atau Ansuran Bulanan ECP tidak boleh diubah selepas permohonan diluluskan.

7. Fi Pendahuluan Tunai atau apa-apa jumlah fi lain yang mungkin ditetapkan oleh BSN bagi setiap permohonan Plan A akan didebitkan kepada Akaun Kad Kredit Pemegang Kad dan tidak akan dikembalikan. Untuk bayaran pendahuluan tunai yang berkenaan, sila rujuk kepada Klausus 8.
8. BSN berhak mengenakan kadar faedah/fi pengurusan (tahunan) tetap atas Jumlah ECP. Kadar faedah/fi pengurusan ECP berbeza mengikut pelan yang dipilih, sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual berikut:-

Pelan	Tempoh	Kadar / Yuran (Setahun)	Fi/Yuran Pendahuluan (Sekali Bayar)	Langgaran Perlindungan Kredit
AA	6 Bulan	N.A.	1.99%	Pilihan
AB	12 Bulan	N.A.	3.99%	
AC	24 Bulan	3.99%	N.A.	
AD	36 Bulan	3.99%	N.A.	
AE	48 Bulan	4.99%	N.A.	
AF	60 Bulan	5.99%	N.A.	
AG	72 Bulan	5.99%	N.A.	

9. Ansuran Bulanan ECP dikira mengikut Jumlah ECP yang diluluskan ditambah dengan Kadar Faedah/Yuran Pengurusan (tahunan) yang berkenaan dan dibahagikan dengan bilangan bulan dalam Tempoh Ansuran ECP.
10. Kadar di atas adalah sah bagi permohonan baru bermula 1 Oktober 2022 sahaja. Bagi Pemegang Kad sedia ada yang telah melanggan sebelum tarikh ini, kadar adalah sama seperti kadar yang diluluskan semasa permohonan.
11. Pemegang Kad hendaklah menyatakan butir-butir berikut dalam borang permohonan:
 - i. Jumlah ECP yang ingin dipohon oleh Pemegang Kad;
 - ii. Pelan ECP yang ingin dipohon oleh Pemegang Kad, rujuk Klausus 8; dan
 - iii. Butiran akaun simpanan atau akaun semasa Pemegang Kad yang diselenggarakan oleh sebuah bank berlesen di Malaysia untuk urusan permindahan Jumlah ECP yang diluluskan.
12. Kelulusan permohonan Pemegang Kad akan tertakluk kepada:
 - i. Status kedudukan semasa akaun Pemegang Kad; dan
 - ii. Had kredit/had kemudahan Pemegang Kad pada masa permohonan.

BSN berhak mengikuti budi bicara untuk meluluskan atau menolak permohonan Jumlah ECP yang dinyatakan oleh Pemegang Kad atau meluluskan apa-apa amaun yang lebih rendah yang dianggap sesuai oleh pihak BSN. BSN tidak tertakluk untuk memaklumkan atau memberitahu kepada Pemegang Kad jika jumlah yang diluluskan adalah lebih rendah.

13. Setelah permohonan diluluskan, Jumlah ECP akan dimasukkan ke dalam akaun simpanan atau akaun semasa Pemegang Kad dengan cara berikut:-

- i. Pemindahan ke dalam akaun bank Pemegang Kad yang diselenggarakan di BSN; atau
- ii. Pemindahan melalui GIRO (IBG) ke dalam akaun bank Pemegang Kad yang diselenggarakan oleh bank berlesen lain di Malaysia atas pilihan Pemegang Kad.

Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memberikan nombor akaun yang betul dan tepat kepada BSN untuk tujuan pembayaran Jumlah ECP. BSN tidak akan bertanggungjawab untuk pembayaran yang dibuat kepada mana-mana akaun yang tidak tepat atau salah yang diberikan oleh Pemegang Kad.

14. Pemegang Kad tidak layak mengumpul Mata Ganjaran BSN dan/atau Pulangan Tunai untuk ECP ini.

15. Pemegang Kad boleh membatalkan penyertaan dalam ECP atau memilih untuk penyelesaian awal Jumlah ECP pada bila-bila masa dengan memaklumkan kepada BSN. Sekiranya Pemegang Kad membuat pembatalan atau penamatan awal ECP atau membatalkan, Pemegang Kad perlu membayar jumlah pokok tertunggak ECP bersama-sama dengan satu (1) bulan fi yang tertunggak.

16. Setelah permohonan diluluskan oleh BSN dan pembayaran amaun ECP ke akaun pemegang Kad dilakukan:-

- i. Had kredit/had kemudahan sedia ada Pemegang Kad akan dikurangkan dengan jumlah yang bersamaan dengan Jumlah ECP yang diluluskan, di mana had kredit/had kemudahan tersebut tidak akan diberikan kepada Pemegang Kad tetapi akan dikembalikan secara berperingkat setiap bulan setelah Pemegang Kad membuat pembayaran balik Ansuran Bulan ECP. BSN tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang transaksi yang gagal atau transaksi ditolak oleh peniaga kerana ketidaaan jumlah had kredit/had kemudahan Kad Pemegang Kad; dan
- ii. Kadar/Fi Pendahuluan Tunai (Sekali) and dicaj awal ke atas Amaun ECP yang diluluskan bagi Pelan A dan akan dibilang kepada Akaun Pemegang Kad pada Penyata Bulanan seterusnya setelah permohonan Pemegang Kad diluluskan oleh BSN.

17. Semua baki ECP tertunggak akan dibilang kepada Akaun Pemegang Kad dan caj bayaran lewat/Ta'widh (gantirugi) akan dikenakan mengikut Perjanjian Pemegang Kad BSN sekiranya:-

- i. Pemegang kad gagal melaksanakan apa-apa kewajipan yang dinyatakan di sini atau di bawah Perjanjian Pemegang Kad BSN;
- ii. Pemegang kad gagal membayar Ansuran Bulanan ECP atau apa-apa jumlah lain yang kena dibayar kepada BSN melebihi sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir; dan / atau
- iii. ECP dibatalkan atau ditamatkan.

Pemegang Kad hendaklah menyelesaikan semua baki tertunggak ECP termasuk semua fi dan caj yang dikenakan.

18. Semasa tempoh ECP, Pemegang Kad perlu membayar jumlah ansuran bulanan secara penuh sebelum tarikh akhir pembayaran di mana jumlah ansuran bulanan tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun kad Kredit Pemegang Kad. Sekiranya Pemegang Kad gagal membayar ansuran bulanan secara penuh, kadar Faedah/Yuran pengurusan semasa akan dikenakan ke atas baki ansuran yang tidak dibayar pada tarikh akhir Pembayaran ansuran penuh selama dua bulan berturut-turut, ansuran ECP akan ditamatkan secara automatik.
19. Tanpa prejudis kepada Klausula 17 dan Klausula 18 di atas, sekiranya Pemegang Kad melanggar mana-mana terma di dalam Terma dan Syarat ECP ini, terma dan syarat dalam Perjanjian Pemegang Kad BS akan terpakai terhadap ansuran atau baki tertunggak tersebut.
20. Pemegang Kad bertanggungjawab untuk membayar semua fi dan caj yang dikenakan ke atas Kad Kredit BSN dan tertakluk kepada sebarang cukai yang dikenakan atau akan dikenakan oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang kompeten di Malaysia yang dikira pada kadar semasa.
21. Pihak BSN mempunyai hak untuk menambah, mengubah suai, menukar, meminda, memotong atau mengubah semua atau mana-mana terma dan syarat atau untuk menggantikan keseluruhan atau sebahagian daripada ECP dengan skim yang lain, sama ada serupa atau tidak, atau untuk menarik balik dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kepada Pemegang Kad.
22. Sebarang penambahan, pengubahsuaian, penukaran, pindaan, potongan atau pengubahan kepada terma dan syarat ini akan mengikat Pemegang Kad dan dianggap telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua Pemegang Kad melalui paparan di BSN atau melalui notis yang dihantar oleh BSN atau pengiklanan di halaman media sosial rasmi BSN atau Laman Web BSN atau mana-mana medium lain yang difikirkan sesuai oleh BSN.
23. Pemegang Kad adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian tidak dingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada permohonan ECP ini.
24. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai ECP ini.
25. Dalam apa keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggungan terhadap Pemegang Kad bagi sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik peluang perniagaan, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak atau kecuaian atau sebaliknya, berkaitan dengan ECP.

26. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggungan serta tidak menerima sebarang bentuk liabiliti walau apa pun sifatnya dan walau bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pemegang Kad yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan Pemegang Kad dalam ECP ini atau sebaliknya. Tambahan pula, BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang keingkaran obligasi di bawah ECP ini disebabkan oleh apa-apa kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik, perperangan (sama ada diisyihar atau tidak diisyihar), mogok, rusuhan, sekatan, tindakan perindustrian, kekecohan awam, tidakan pengganas, pertikaian, pergolakan pekerja, sekatan, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, kemalangan, kegagalan mesin dan kegagalan sistem pemprosesan data atau rangkaian transmisi atau sistem tele komunikasi atau elektrik atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

27. Dengan menyertai ECP ini, Pemegang Kad bersetuju:-

- a) Untuk membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat di sini, terma dan syarat di bawah Perjanjian Pemegang Kad Kad Kredit/-i BSN dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan terhadapnya;
- b) Untuk mengakses Laman Web BSN di www.bsn.com.my ("Laman Web BSN") dari semasa ke semasa untuk melihat terma dan syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan terkini yang dibuat kepada terma dan syarat.
- C) Semua keputusan BSN atas semua perkara berkaitan dengan ECP ini adalah muktamad, konklusif, tidak boleh dipertikaikan dan terikat ke atas semua Pemegang Kad. Sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.

28. Bank berhak mengikut budi bicaranya:

- (a) Untuk mengubahsuai, menggantung atau membatalkan ECP ini sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab diluar kawalan BSN, walaupun selepas segala usaha terbaik BSN dilakukan;
- (b) Untuk membatalkan permohonan mana-mana Pemegang Kad yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses permohonan ECP, operasi ECP atau melanggar terma dan syarat ECP ini; dan
- (c) Untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti negatif berkait dengan ECP ini.

29. Pemegang Kad bersetuju dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada Data Peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, untuk tujuan program ECP ini selaras dengan Notis Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Web BSN.

30. Pemegang Kad mempunyak hak pada bila-bila masa untuk:
- (a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
 - (b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan
 - (c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi dengan menghubungi BSN.
31. Terma dan syarat ini adalah tambahan kepada terma dan syarat di bawah Perjanjian Kad Kad Kredit/-i BSN dan Pemegang Kad bersetuju terma dan syarat ini hendaklah dibaca dengan terma dan syarat di bawah Perjanjian Pemegang Kad Kad Kredit/-i BSN. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat in dan terma dan syarat di bawah Perjanjian Pemegang Kad Kad Kredit/-i BSN, maka terma dan syarat ini akan terpakai selagi ianya berkaitan ECP ini.
32. Sekiranya terdapat percanggahan antara terma dan syarat ini dan sebarang iklan promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan atau berhubung dengan ECP, terma dan syarat muktamad di Laman Web BSN akan terpakai. Sebarang perkara mengenai ECP yang tidak dinyatakan di dalam terma dan syarat ini adalah bergantung kepada budi bicara BSN.
33. BSN tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa salah tafsir fakta oleh Pemegang Kad berkenaan dengan Kadar Faedah/Yuan Pengurusan yang ditawarkan dan diterbitkan dalam halaman media sosial rasmi BSN, pemasaran, atau bahan-bahan pengiklanan.
34. Semua terma dan syarat yang ditetapkan di sini adalah ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
35. Semua ungkapan yang menggunakan huruf besar di dalam terma dan syarat in hendaklah mempunyai makna yang sama seperti yang dinyatakan di dalam terma dan syarat di bawah Perjanjian Pemengang Kad Kad Kredit/-i BSN kecuali yang dinyatakan sebaliknya di sini.

Versi:01102022